

# EKSPLO INOVASI ISLAM 2011 (I-INOVA'11) STADIUM TERTUTUP NILAI, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Oleh : Cik Aizatul Akma Wani Ariffin

## EYReC terus melebarkan kejayaan di i-INOVA'11

Tahun 2010 adalah merupakan tahun pertama Ekspo Inovasi Islam dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Rentetan daripada itu, setiap tahun, pertandingan penyelidikan dan inovasi ini telah menjadi acara tahunan bagi universiti ini. Oleh itu, pada tahun ini pertandingan yang telah berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan ini adalah bertemakan 'Inovasi : Kunci Ke Arah Kelestarian Ummah'.

EKSPLO INOVASI ISLAM 2011 adalah merupakan kesinambungan daripada i-INOVA2010 telah menyaksikan delegasi EYReC UniMAP sekali lagi telah mencatatkan kejayaan dengan kemenangan 100% daripada 10 produk inovasi pelajar yang telah dihantar untuk bertanding. Program yang berlangsung pada 14-16 Oktober 2011 ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para penyelidik mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran dalam penciptaan inovasi demi pembangunan ummah.

Lakaran kecemerlangan ini dikecapi hasil daripada kejayaan menggondol 2 emas, 6 perak dan 2 gangsa. Kejayaan memperoleh pingat emas adalah hasil daripada penyelidikan produk pelajar iaitu; 'Eco Twister SR' dan 'Design And Analysis Of Microneedle In Microfluidic Channel For Drug Delivery System'.

Produk 'Eco Twister SR' adalah merupakan produk hasil ciptaan Mohd. Syafiq Ismail, pelajar PPK Sistem Elektrik. Produk tersebut turut memperoleh 2 hadiah utama pertandingan, iaitu Al-Khawarizmi dengan membawa pulang RM1000.00 bersama trofi. Produk tersebut juga turut membolot hadiah utama pertandingan iaitu Islamic Innovation Award dengan memperoleh RM 3000.00 bersama piala. Kejayaan ini adalah merupakan bukti bahawa EYReC UniMAP semakin melebarkan usaha dan juga kejayaan demi mengharumkan nama Universiti Malaysia Perlis.

Dengan kejayaan ini, EYReC UniMAP akan terus mengembangkan sayap dalam mengecapi lebih banyak kejayaan di masa hadapan dengan hasil kejayaan pemilihan produk-produk yang berkualiti daripada penganjuran ENVEX 2011 yang lalu!!

